

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SBP311 - Perancangan Projek Pembangunan

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT daripada tujuh soalan-soalan berikut. Jawapan anda mestilah jelas. Tulisan kabur dikenakan pemotongan markah. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Bincang konsep luaran (externality) dengan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:
 - (a) Definasi konsep.
 - (b) Syarat-syarat yang mewujudkan kesan-kesan luaran.
 - (c) Jenis-jenis saling bergantungan (interdependence) untuk kos dan faedah.
 - (d) Kepentingan konsep ini di dalam analisis kos faedah.

2. Huraikan secara bandingan ketiga-tiga kriteria berikut, dan beri penilaian kritikal.
 - (a) Kriteria tempoh bayarbalik - (payback period).
 - (b) Nisbah kos faedah.
 - (c) Kadar pulangan dalam

3. Berasaskan teori ekonomi Neoklasik, terangkan bagaimana penilaian kos dan faedah dilakukan dengan menumpukan aspek-aspek berikut:
- (a) Keutamaan individu dan kebajikan sosial.
 - (b) Kos melepasi dan harga bayangan.
 - (c) Kesediaan untuk membayar dan harga pasaran.
 - (d) Pembentukan formula umum analisis kos-faedah.
4. (a) Cari nilai kini bersih projek berikut bagi kadar-kadar diskaun 0, 50% dan 100%.

Aliran tunai dalam ringgit		
Co	C1	C2
-6750	+4500	+18000

- (b) Apakah kadar pulangan dalam (IRR) projek tersebut?

Gunakan formula:

$$NPV = Co + \frac{C1}{1 + r} + \frac{C2}{(1 + r)^2}$$

5. Mengapa harga pasaran tidak mencerminkan kos sosial sebenar sumber-sumber dan nilai sebenar faedah sosial?

Huraikan faktor-faktor yang menimbulkan fenomena kesan-kesan luaran dan yang menyebabkan penggunaan harga pasaran tidak tepat.

6. Nilai kini bersih merupakan kriteria pelaburan yang lazim digunakan bersama-sama dengan kriteria-kriteria penilaian lain. Bincang kriteria ini dengan merujuk kepada aspek-aspek berikut:

(a) Makna konsep nilai kini dan nilai kini bersih.

(b) Rasional teoritis nilai kini bersih.

(c) Penilaian kebaikan dan keburukan.

7. Bincang kriteria kadar pulangan dalam dengan merujuk kepada aspek-aspek tersebut.

(a) Maksud kadar pulangan dalam.

(b) Kebaikan dan keburukan.

(c) Masalah (multiplicity) di dalam kadar pulangan dalam.